

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA  
[SIPITANG]**

**TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [ SIPITANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membina Mahkamah di Sipitang atau menempatkan Penasihat Undang-undang atau Timbalan Pendakwa raya bagi mengendalikan banyak kes-kes jenayah dari daerah Sipitang, Beaufort dan Labuan bagi menggantikan Mahkamah Litar yang beroperasi secara berskala pada masa ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Majistret Litar Sipitang merupakan litaran dari Mahkamah Majistret Labuan. Mahkamah Majistret Litar Sipitang ini mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah serta akan bersidang sekali setiap bulan.
2. Bagi kes-kes sivil, sebanyak 140 kes didaftarkan pada tahun 2018. Dari jumlah ini, 158 kes telah diselesaikan termasuklah kes daripada tahun

sebelumnya, manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2018 pula adalah sebanyak 30 kes. Bagi tahun 2019 pula, terdapat hanya 40 kes didaftarkan. Sebanyak 50 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2019 pula adalah sebanyak 20 kes. Pada tahun ini, sehingga 30 Jun 2020, terdapat 41 kes didaftarkan, di mana 33 kes telah pun diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya, manakala baki kes yang masih aktif hanyalah sebanyak 28 kes.

3. Bagi kes-kes jenayah pula, terdapat sebanyak 928 kes telah didaftarkan pada tahun 2018 di mana 960 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak 152 kes. Pada tahun 2019, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 871 kes di mana 930 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya manakala baki kes yang masih aktif sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 93 kes. Pada tahun ini pula, sehingga 30 Jun 2020, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 321 kes; di mana 333 kes telah diselesaikan termasuk kes daripada tahun sebelumnya dan baki kes yang masih aktif pula adalah sebanyak 81 kes.

4. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang berusaha dan mengambil perhatian pandangan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, pihak Pengarah Mahkamah Negeri Sabah telah menulis surat kepada Pejabat Daerah untuk memohon tanah bagi membina bangunan mahkamah pada masa hadapan.

Sekian. terima kasih.